



KOPI PAHIT

Salah satu daripada syarat perjanjian Rasulullah kepada orang-orang Madinah di dalam perjanjian setia Aqabah ialah jangan membunuh anak kerana Allah yang memberi rezeki bagi tiap-tiap anak yang dilahirkan di dunia ini, tetapi anjuran En. Khir Johari hendaklah menggalang dan menyekat beranak kerana takut tidak terberi makan dan takut makanan tidak mencukupi kerana kebanyakan manusia. Orang bertanya Allah-kah Maha Pengatur atau manusia seperti En. Khir yang mengatur?

* * *

Di dalam Dewan Pertuanan Senator Ghafar Baba telah menjawab suatu persoalan menyatakan bahawa kemajuan perniagaan orang-orang Cina tidak ditolong oleh kerajaan. Betul! Tetapi ahli-ahli bank orang-orang Cina menolong peniaga-peniaga Cina dengan setengah-setengahnya tidak payah memakai harta tanggungan dan menunggu bertahun-tahun baharu dapat pinjaman, seperti dengan MARA. Kan begitu namanya menolong sedang yang nampak kepada umum buruk dan lemahnya bumiputera sahaja!

* * *

Kerana mahu di dalam negeri tidak bisung, di Singapura dikhabarkan pemerintah menghendaki supaya suara-suara azan yang biasa diperdengarkan tiap-tiap waktu sembahyang disuruh berhentikan. Ini dianjurkan dan disertai oleh pemimpin-pemimpin di dalam kerajaan yang beragama Islam. Tetapi untungya jiwa berontak yang ada di dalam jiwa orang Singapura mereka membantah dan kerana itu perintah menahan suara azan dilaungkan itu sekarang segan hendak dijalankan. Beginilah halnya

kalau yang memerintah di sana bukan orang Islam dan orang-orang Islamnya menjual

* * *

Berkata untuk maslahat diri – tidak hairan kalau seseorang yang terkenal di dalam masyarakat Melayu seperti Buyung Adil menyokong supaya perempuan-perempuan Melayu di Singapura lebih baik pakai gaun ke sekolah daripada memakai baju kurung berdasarkan kerana orang-orang Arab memakai gaun. Tentang gaun Buyung Adil suruh ikut orang Arab tetapi kenapa Buyung Adik tidak suruh ikut pakaian orang Arab yang menutup seluruh tubuhnya termasuk mukanya?

Bukankah orang tahu sekarang zaman – zaman

* * *

Salah sebuah cawangan UMNO di Johor telah menyuarakan supaya Tengku meletakkan jawatan daripada menjadi Perdana Menteri kerana katanya Tengku terlampau sangat lembut dan sangat banyak beralah dan memberi. Ini rupanya baharu disedari. Bukanlah Tengku darah raja yang pemurah dan suka memberi dan suka damai – tidak mahu menumpahkan darah sekali pun apa yang ada kepada negara diserahkan semuanya kepada orang asalkan negeri damai? Apakah yang demikian ini akan dapat mengekalkan perdamaian dan akan mengekalkan daripada menjauhkan darah tertumpah? Orang-orang menunggu dan bertanya.

* * *

Tuan Haji Ali Munawar yang selalu dinampak orang wajahnya di forum televisyen dikatakan dalam ceramahnya

di kuliah A Universiti Malaya pada 30 Mei menyatakan “wanita Islam tidak perlu bertudung kepala, siapa yang masih bertudung, orang itu masih ortodoks”. Yang dimaksudnya tentunya tidak bertudung di tengah-tengah jalan atau di majlis-majlis di luar rumahnya, di luar tempat mahramnya, tidak di dalam bilik mahramnya. Orang yang telah bermegah mahu jadi tokoh Islam ini nampaknya sudah keterlaluan kerana Tuhan telah menegah perempuan-perempuan berdedah dengan ayat hijab di dalam *Sūrah al-Nūr* (31) dan di dalam hadith-hadith Nabawi terhadap perempuan-perempuan yang mendedahkan dirinya itu. Apakah tuan yang mahu jadi “tokoh Islam baharu” ini mahu dijadikan orang-orang melanggar hukum Allah berterang-terang dan mengajar orang melanggar hukum Allah? Mengucaplah dan bertaubatlah tuan! Ingat-ingat – waktu pertanyaan akan sampai.

* * *

Hari ini mungkin tuan Haji Ali Munawar mengatakan bahawa orang yang memakai tudung adalah ortodoks tetapi nanti kalau beliau tinggal di Amerika dan balik sekali lagi ke Malaya, mungkin sekali lagi mungkin ia akan mengatakan wanita-wanita yang tidak berani memakai baju-baku *mini skirt* atau pakaian bikini seperti di Long Beach ortodoks atau ketinggalan keretapi. Sebab,... ya sebab agama itu tidak ada ertinya kerana beliau pernah pula dikatakan memberi syarahan agama yang mengatakan bahawa bidadari-bidadari itu hanya khayalan belaka. Jika betul, berita yang diampaikan ini – sekali lagi kita akan mengucapkan *subhāna Allāh* dan meminta orang ramai berhati-hati mendengar syarahannya kerana kalau benar yang demikian, bertentangan dengan ajaran al-Qur’an yang diimani oleh orang yang beriman. Dunia, ya dunia – kalau kamu mahu dikejar –

Cemeti al-Farouk